

NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH

TARIKH : 17 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan outcome usaha Kerajaan hendak mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi dan berhijrah ke ekonomi berasaskan pengetahuan serta bernilai tinggi dan apakah pula usaha-usaha baru untuk mencapai misi tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha Kerajaan untuk mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi telah dimulakan dalam Rancangan-rancangan Lima Tahun Pembangunan Malaysia sebelum ini dan dipergiatkan lagi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh serta diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Hasilnya, pendapatan bulanan purata isi rumah telah meningkat lebih 20 kali daripada RM264 pada tahun 1970 kepada RM6,141 pada tahun 2014. Dalam tempoh yang sama, pendapatan penengah meningkat daripada RM166 kepada RM4,585.

Di bawah RMKe-11, beberapa outcome terpilih telah dikenal pasti sebagai penanda aras kejayaan seperti peningkatan produktiviti tenaga kerja, gaji penengah bulanan dan pampasan pekerja kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Sehingga kini, outcome-outcome terpilih ini telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan seperti peningkatan produktiviti tenaga kerja yang telah meningkat kepada 3.3% pada 2015, menghampiri sasaran 3.7% pada tahun 2020.

Dari aspek ekonomi berasaskan pengetahuan, sumbangan industri ICT kepada ekonomi berkembang pada kadar purata 8.8% setahun daripada RM135.3 bilion pada tahun 2010 kepada RM206.1 bilion pada tahun 2015. Eksport perkhidmatan ICT pula meningkat daripada RM13.8 bilion pada tahun 2010 kepada RM20.8 bilion pada tahun 2015. Manakala nilai ditambah kasar bagi setiap guna tenaga dalam industri ICT meningkat daripada RM110,612 pada tahun 2010 kepada RM142,970 pada tahun 2015.

Melangkah ke hadapan, Teras Strategik 6, RMKe-11 telah mengenal pasti beberapa langkah bagi merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran, antaranya mentransformasikan sektor perkhidmatan; memperkukuh sektor pembuatan; memodenkan sektor pertanian; mentransformasikan sektor pembinaan; dan membangunkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dinamik.

Ini dapat dicapai antara lain menerusi strategi-strategi seperti berikut:

- (1) mewujudkan persekitaran yang dinamik untuk perkhidmatan berintensif pengetahuan dengan memperkasa pembangunan modal insan serta meningkatkan penggunaan teknologi dan penyelidikan & pembangunan (R&D);

- (2) mempergiat pengantarabangsaan dengan membantu syarikat untuk mengeksport perkhidmatan melalui peningkatan akses kepada pembiayaan, kemahiran pekerja dan risikan pasaran;
- (3) memperkukuh pengurusan insentif pelaburan melalui penyediaan program insentif yang lebih berkesan, telus dan berasaskan prestasi;
- (4) meningkatkan produktiviti melalui automasi dan inovasi dengan menggalakkan penggunaan ICT dan meneruskan program Platform Pengkomersialan Teknologi (TCP) dan program Inovasi Inklusif;
- (5) meningkatkan latihan dan pembangunan melalui kerjasama antara agensi dengan pihak swasta dan memupuk lebih banyak syarikat baru mula;
- (6) menambah baik akses pasaran dan sokongan logistik dengan memperkukuh sokongan logistik dan meningkatkan akses kepada pasaran domestik dan antarabangsa; dan
- (7) memperkukuh pembangunan modal insan dalam kalangan PKS menerusi program latihan peningkatan kemahiran dan latihan semula pekerja bagi membolehkan mereka bekerja dalam pekerjaan bergaji tinggi.

Usaha-usaha ini dipercayai akan dapat melonjakkan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan inklusif.

Sekian, terima kasih.